

09/01/1997

Mahathir syor dialog negara maju, miskin (HL)

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia mengajak kumpulan negara maju G-7 mengadakan dialog dengan kumpulan negara membangun G-15, bagi membolehkan pandangan negara membangun dalam pelbagai isu disampaikan terus kepada negara maju.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, mengemukakan cadangan itu dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, selama kira-kira sejam di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Menurutnya, G-7 sering membuat keputusan untuk kepentingan mereka sendiri tanpa mengambil kira pendapat negara G-15.

Sebagai contoh, katanya, negara G-7 mahu terbabit dengan isu seperti pengukuhan mata wang yen yang meningkatkan paras hutang.

Perdana Menteri menjelaskan, kenaikan yen menyebabkan pinjaman dalam mata wang Jepun meningkat dan ini memberi kesan kepada imbalan pembayaran Malaysia.

Ketika menyampaikan taklimat kepada pemberita selepas perbincangan kedua-dua pemimpin itu, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad, berkata walaupun selama ini negara tuan rumah sidang kemuncak G-7 sering mendapatkan pandangan pemimpin Asean sebelum mesyuarat berkenaan, langkah itu belum mencukupi kerana tiada pertemuan yang sempurna.

"Dr Mahathir memberitahu Perdana Menteri Jepun bahawa langkah G-7 mendapatkan pandangan pemimpin Asean secara berasingan tidak begitu berkesan bagi negara membangun meluahkan pandangan mereka.

"Sebab itu kita perlu duduk semeja bagi membolehkan pandangan negara membangun didengar secara langsung oleh negara maju sebelum mereka membuat sebarang keputusan membabitkan kepentingan semua pihak," katanya.

Hashimoto dan delegasinya tiba di negara ini hari ini untuk lawatan rasmi selama dua hari.

Mesyuarat delegasi dua hala turut diadakan selepas pertemuan itu. Hadir sama ialah Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Sebelum ini, beberapa negara tuan rumah Sidang Kemuncak G-7 seperti Kanada pernah menjemput menteri luar Asean mengadakan mesyuarat sebelum sidang itu, bagi mendapatkan pandangan atau maklum balas Asean mengenai isu yang akan dibangkitkan dalam sidang kemuncak negara maju itu.

Abdul Kadir yakin Hashimoto akan menyampaikan hasrat Perdana Menteri itu kepada pemimpin G-7 lain.

Selain itu, Abdul Kadir berkata Jepun yang berhasrat mewujudkan hubungan lebih erat dengan Asean dalam pelbagai bidang lain selain ekonomi, turut berminat mengadakan pertemuan lebih kerap dengan negara anggota Asean.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia perlu mendapatkan pandangan negara Asean lain sebelum menyatakan pandangan berhubung bentuk mekanisme yang perlu dalam usaha mengeratkan hubungan Jepun-Asean.

Di samping itu, beliau berkata, Dr Mahathir turut meminta Jepun menyediakan lebih peluang kepada pelatih dan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di negara itu selaras langkah Malaysia meneruskan Dasar Pandang Ke Timur.

Mengenai keselamatan serantau, Abdul Kadir berkata, Dr Mahathir menjelaskan dasar Malaysia yang tidak mahu mewujudkan permusuhan dengan mana-mana pihak termasuk China.

(END)